

FALSAFAH PENDIDIKAN TOKOH SYED NAQUIB AL-ATTAS DALAM PENDIDIKAN ISLAM

THE EDUCATIONAL PHILOSOPHY OF SYED NAQUIB AL-ATTAS IN ISLAMIC EDUCATION

Muhammad Muaz Mohamed Izuddin¹
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain²
Kamarul Azmi Jasmi³

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia
(E-mail: muaz01@graduate.utm.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia
(Email: muhammadtalhah.j@utm.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia
(E-mail: qamar@utm.my)

Article history

Received date : 10-2-2025
Revised date : 11-2-2025
Accepted date : 19-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Mohamed Izuddin, M. M., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Jasmi, K. A. (2025). Falsafah pendidikan tokoh Syed Naquib Al-Attas dalam Pendidikan Islam. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 503- 512.

Abstrak: *Kajian ini membincangkan falsafah pendidikan tokoh Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam konteks pendidikan Islam. Al-Attas menekankan konsep ta'dib sebagai asas pembentukan insan beradab yang seimbang dari segi intelektual, rohani, dan moral. Beliau juga memperkenalkan gagasan Islamisasi ilmu, iaitu usaha untuk memurnikan ilmu moden daripada unsur-unsur sekular dan materialistik yang bertentangan dengan nilai Islam. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan, di mana sumber-sumber primer dan sekunder seperti buku, artikel jurnal dan tesis berkaitan falsafah pendidikan al-Attas dianalisis secara mendalam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa al-Attas telah memperkenalkan konsep ta'dib dalam falsafah Pendidikan Islam yang menjadi asas dalam Pendidikan. Al-Attas juga memberikan sumbangan besar dalam merangka sistem pendidikan Islam yang holistik, menolak dualisme pendidikan dan menekankan peranan bahasa serta tradisi keilmuan Islam. Sumbangan beliau, seperti penubuhan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), menjadi bukti usaha dan komitmen beliau terhadap pengembangan pendidikan Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa falsafah pendidikan al-Attas relevan dalam membentuk sistem pendidikan Islam yang berkualiti, sejajar dengan keperluan semasa dan masa depan.*

Keywords: *Al-Attas, falsafah pendidikan islam, ta'dib, islamisasi ilmu, dualism*

Abstract: *This study discusses the educational philosophy of Syed Muhammad Naquib al-Attas in the context of Islamic education. Al-Attas emphasizes the concept of ta'dib as the foundation for developing a well-balanced, cultured individual in terms of intellect, spirituality, and morality. He also introduced the idea of the Islamization of knowledge, an effort to purify*

modern knowledge from secular and materialistic elements that contradict Islamic values. This study employs a library research method, analyzing primary and secondary sources such as books, journal articles and theses related to al-Attas' educational philosophy. The findings reveal that al-Attas introduced the concept of ta'dib as a fundamental principle in Islamic education. He also made significant contributions to shaping a holistic Islamic education system, rejecting educational dualism, and emphasizing the role of language and Islamic scholarly traditions. His contributions, including the establishment of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), serve as evidence of his dedication to advancing Islamic education. This study concludes that al-Attas' educational philosophy remains relevant in shaping a high-quality Islamic education system that aligns with contemporary and future needs.

Keywords: *Al-Attas, Islamic educational philosophy, ta'dib, Islamization of knowledge, dualism*

Pengenalan

Pendidikan Islam merupakan proses menyeluruh yang bertujuan membentuk insan yang berilmu, berakhlak dan beradab, sesuai dengan perintah Allah SWT. Ia merangkumi aspek rohani, intelektual dan jasmani dalam usaha melahirkan individu yang seimbang dan harmoni. Pendidikan ini tidak hanya bertumpu kepada penguasaan ilmu duniawi, tetapi juga menghubungkan ilmu dengan nilai keimanan dan ketakwaan. Dalam konteks Islam, ilmu dianggap sebagai amanah yang harus dimanfaatkan untuk kebaikan umat manusia. Oleh itu, pendidikan Islam bukan sekadar proses pemindahan ilmu tetapi juga pembentukan akhlak mulia (Al-Attas, 1991). Seiring dengan perkembangan zaman, pendidikan Islam menghadapi cabaran baharu yang memerlukan pendekatan falsafah dan metodologi yang relevan. Di sinilah pentingnya tokoh-tokoh seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, yang memperjuangkan konsep pendidikan Islam berasaskan adab dan ilmu. Pemikiran beliau telah memberi impak besar dalam usaha memartabatkan sistem pendidikan Islam di peringkat antarabangsa.

Falsafah pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka sistem pendidikan yang kukuh dan berwawasan. Dalam konteks pendidikan Islam, falsafah bertindak sebagai panduan untuk memahami hubungan antara ilmu, manusia dan Tuhan (Daud, 2005). Falsafah yang kukuh memastikan pendidikan tidak tersasar daripada matlamat utama iaitu melahirkan insan kamil. Dengan adanya tokoh pemikir seperti Syed Naquib al-Attas, falsafah pendidikan Islam dapat dikembangkan bagi menjawab persoalan-persoalan kritikal dalam dunia moden. Pemikiran beliau menggabungkan elemen tradisional dan kontemporari, menjadikan pendidikan Islam lebih dinamik dan relevan. Sebagai seorang ahli falsafah Islam terkemuka, al-Attas menekankan kepentingan adab sebagai asas kepada pendidikan. Tanpa adab, ilmu boleh disalahgunakan, membawa kepada keruntuhan akhlak dan tamadun. Oleh itu, falsafah pemikiran beliau memberi fokus kepada pembentukan insan beradab yang mampu memimpin masyarakat dengan hikmah dan kebenaran.

Pada era globalisasi ini, pendidikan Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk pengaruh sekularisme, materialisme dan hedonism (Al-Attas, 1978). Sistem pendidikan moden sering mengasingkan antara ilmu agama dan ilmu duniawi, menyebabkan pemisahan yang ketara dalam cara ilmu difahami dan diamalkan. Keadaan ini menuntut kepada pendekatan

baharu yang mampu mengintegrasikan kedua-dua jenis ilmu tersebut. Syed Naquib al-Attas melihat isu ini sebagai krisis yang memerlukan penyelesaian melalui konsep ta'dib, iaitu pendidikan berasaskan adab. Ta'dib bukan sahaja melibatkan penanaman ilmu tetapi juga pembentukan akhlak yang sesuai dengan nilai Islam. Menurut al-Attas, penyelesaian kepada cabaran ini terletak pada pemurnian ilmu daripada unsur-unsur asing yang bertentangan dengan Islam. Beliau memperkenalkan idea Islamisasi ilmu, iaitu proses menyusun semula ilmu berdasarkan perspektif Islam (Al-Attas, 1991). Melalui pendekatan ini, pendidikan Islam dapat kembali kepada asasnya sebagai instrumen pembangunan ummah.

Pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas sangat relevan dalam usaha membentuk sistem pendidikan Islam yang mampu menjawab keperluan zaman moden. Beliau menekankan bahawa pendidikan bukan sekadar alat untuk memperoleh kemahiran atau kepakaran, tetapi juga proses mendidik jiwa dan akhlak manusia (Al-Attas, 1980). Konsep-konsep seperti ta'dib, insan kamil dan Islamisasi ilmu menjadi teras pemikiran beliau dalam membangunkan sistem pendidikan yang holistik. Falsafah beliau juga mengingatkan kita tentang pentingnya hubungan antara ilmu dan keimanan dalam melahirkan individu yang bertanggungjawab kepada Tuhan, diri sendiri dan masyarakat. Sebagai seorang pemikir yang dihormati di peringkat antarabangsa, sumbangan beliau dalam pendidikan Islam telah memberi inspirasi kepada ramai sarjana dan pendidik. Pemikiran beliau bukan sahaja menyelesaikan isu-isu semasa tetapi juga menjadi panduan untuk masa depan pendidikan Islam. Justeru, memahami dan menghayati falsafah pemikiran Syed Naquib al-Attas adalah satu keperluan dalam memastikan kelangsungan sistem pendidikan Islam yang berkualiti.

Terdapat kajian lepas yang dilakukan oleh Agus Hendratno, Burhanudin dan Dede Nuraida bertajuk *Pemikiran Pendidikan Syed Muhammad Naquib Al-Attas pada tahun 2023* yang mengulas tentang pemikiran pendidikan Syed Muhammad Naquib al-Attas dengan menekankan konsep ta'dib sebagai asas pendidikan Islam serta gagasan Islamisasi ilmu untuk membebaskan ilmu moden daripada pengaruh sekularisme dan materialisme. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemikiran Al-Attas menawarkan satu pendekatan holistik dalam pendidikan Islam yang mengintegrasikan ilmu, akhlak, dan spiritualiti dalam pembentukan insan beradab (Agus Hendratno, 2023). Namun, terdapat kelemahan iaitu kurangnya analisis terhadap cabaran pelaksanaan sistem pendidikan berasaskan falsafah Al-Attas. Oleh itu, kajian ini lebih menumpukan dalam pendidikan melalui falsafah dan sumbangan al-Attas yang masih relevan dan memberi kesan dalam pendidikan dari sudut kualiti terutama dalam Pendidikan Islam berdasarkan pengumpulan data melalui analisis karya utama al-Attas serta kajian sekunder yang membincangkan pemikirannya. Dalam proses ini, sumber yang digunakan merangkumi buku, artikel jurnal, dan tesis yang secara langsung meneliti pemikiran al-Attas secara kritikal bagi memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diperolehi.

Latar Belakang Dan Pendidikan

Syed Muhammad Naquib al-Attas dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Indonesia, dalam sebuah keluarga bangsawan Melayu yang berketurunan Arab dan Bugis. Keluarga beliau terkenal dengan tradisi keilmuan, keagamaan dan komitmen terhadap nilai-nilai Islam yang kukuh. Bapanya, Syed Ali al-Attas, merupakan seorang tokoh agama yang dihormati dan dihargai dalam masyarakat, manakala ibunya, Sharifah Rokiah, berasal daripada keluarga bangsawan Bugis yang turut dikenali dengan semangat keilmuan dan tradisi budaya yang tinggi (Daud, 2005; Zain, 2019). Latar belakang keluarganya ini memberikan asas yang kuat kepada

pembentukan jati diri beliau sebagai seorang tokoh ilmuwan yang teguh berpegang pada nilai-nilai Islam, sekaligus mempengaruhi perjalanan intelektual dan rohaninya.

Beliau bermula pendidikan awalnya di Johor Bahru, Malaysia, sebelum melanjutkan pengajian di sekolah elit British, Raffles Institution, di Singapura. Di sini, bakat akademik beliau mula terserlah, terutamanya dalam bidang kesusasteraan dan ilmu pengetahuan. Keupayaan intelektual beliau yang luar biasa, digabungkan dengan minat mendalam terhadap pelbagai cabang ilmu, menjadikan beliau seorang pelajar yang disegani oleh rakan sebaya dan gurunya. Selepas tamat pengajian di Raffles Institution, beliau menyambung pengajian di University of Malaya, Singapura, di mana beliau mendalami bahasa, kesusasteraan dan sejarah. Kecintaan beliau terhadap ilmu pengetahuan mendorongnya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Universiti McGill, Kanada, dalam bidang falsafah Islam, sebelum meneruskan pengajian di University of London, United Kingdom (Daud, 2005).

Pengalaman mendalami ilmu di institusi terkemuka Barat dan Timur telah membentuk pemikiran beliau yang unik dan mendalam. Beliau menggabungkan tradisi intelektual Islam dengan pemahaman kritis terhadap falsafah Barat, membolehkannya melihat kelemahan dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam, khususnya dalam sistem pendidikan (Al-Attas, 1978). Kehidupan beliau yang terdedah kepada pelbagai budaya dan tradisi ilmu memberikan beliau perspektif yang luas dan holistik terhadap isu-isu global. Beliau mula mengkritik pengaruh sekularisme dan dualisme dalam pendidikan yang memisahkan antara ilmu agama dan ilmu duniawi, yang dianggapnya sebagai punca utama kemunduran umat Islam.

Selain pengalaman akademiknya, pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas turut dipengaruhi oleh karya-karya besar ulama dan pemikir terkemuka seperti Al-Ghazali, Ibn Khaldun dan Rene Guenon. Karya-karya ini bukan sahaja memberi inspirasi kepada beliau, tetapi juga menjadi asas kepada falsafah dan pendekatan beliau terhadap pendidikan Islam. Beliau memperkenalkan konsep ta'dib, yang bermaksud pendidikan berasaskan adab, sebagai tonggak utama dalam membangunkan sistem pendidikan Islam. Melalui konsep ini, beliau menekankan bahawa pendidikan bukan sekadar proses penyampaian ilmu, tetapi juga pembentukan akhlak dan keperibadian insan yang berlandaskan etika Islam (Al-Attas, 1980).

Pemikiran beliau yang mendalam dan kritis telah meletakkan beliau sebagai salah seorang tokoh ilmuwan Islam yang disegani di peringkat antarabangsa. Beliau bukan sahaja berjaya menggabungkan tradisi keilmuan Islam dan Barat, tetapi juga berjaya membangunkan kerangka pemikiran yang relevan untuk menangani cabaran-cabaran umat Islam dalam era moden. Dengan gabungan warisan keilmuan keluarganya, pendidikan formalnya yang cemerlang dan pengaruh pemikir besar Islam, Syed Muhammad Naquib al-Attas terus menjadi sumber inspirasi dalam bidang pendidikan Islam sehingga ke hari ini (Daud, 2005; Zain, 2019).

Pandangan Syed Naquib Al-Attas Terhadap Falsafah Pendidikan Islam

Sebagai seorang tokoh pemikir Islam yang disegani, Syed Muhammad Naquib al-Attas telah memperkenalkan falsafah pendidikan Islam yang unik dan holistik. Pandangan beliau berakar pada pemahaman mendalam tentang Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh, yang menghubungkan ilmu dengan nilai-nilai ketuhanan, akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah. Bagi al-Attas, pendidikan Islam bukan sekadar proses pengajaran ilmu atau penyampaian fakta, tetapi juga usaha untuk membentuk manusia yang seimbang dari segi intelek, rohani dan emosi. Beliau melihat pendidikan sebagai satu proses yang bukan sahaja

melibatkan pemindahan ilmu, tetapi juga pembentukan adab dan akhlak yang luhur. Dalam kerangka pemikiran ini, al-Attas memperkenalkan konsep ta'dib sebagai teras falsafah pendidikan Islam yang bertujuan memurnikan jiwa manusia dan menanamkan kesedaran terhadap tanggungjawab moral dan rohani. Konsep ini membawa dimensi baharu kepada sistem pendidikan, yang bukan sahaja membina kecerdasan intelektual, tetapi juga membentuk peribadi insan yang mampu menjalankan amanah sebagai khalifah di muka bumi (Al-Attas, 1980; Daud, 2005; Sukandi & Inayah, 2024).

Konsep ta'dib menurut al-Attas berasal daripada perkataan Arab "adab", yang membawa maksud disiplin, sopan santun dan akhlak mulia. Beliau mentakrifkan ta'dib sebagai proses mendisiplinkan akal, jiwa dan jasad manusia agar selaras dengan kehendak Allah SWT. Dalam konteks pendidikan Islam, ta'dib melibatkan pembentukan manusia yang mampu mengenali dan menempatkan sesuatu perkara pada kedudukan yang benar. Proses ini menitikberatkan nilai adab dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam hubungan manusia dengan Allah, sesama manusia dan alam sekitar. Al-Attas percaya bahawa ta'dib adalah elemen penting dalam membentuk insan yang seimbang dari segi intelektual, moral dan rohani. Pendidikan melalui ta'dib tidak hanya menumpukan kepada pencapaian ilmu, tetapi juga pembentukan keperibadian dan akhlak mulia. Dengan ta'dib, seseorang dapat memahami hikmah dan kebijaksanaan yang terkandung dalam ilmu. Konsep ini menjadi asas kepada falsafah pendidikan Islam yang dibawa oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (Daud, 2005; Sodik, 2019).

Selain itu, konsep ta'dib menekankan kepentingan adab dalam mendidik jiwa dan akal budi manusia. Bagi al-Attas, adab bukan sekadar perilaku baik, tetapi melibatkan pengiktirafan terhadap kebenaran dan pemahaman terhadap kedudukan sesuatu perkara sesuai dengan tujuan penciptaannya. Adab menjadi panduan moral dan intelektual yang membentuk manusia untuk tidak menyalahgunakan ilmu, kerana ilmu tanpa adab boleh membawa kepada kerosakan jiwa dan tamadun (Al-Attas, 1978). Dalam konteks pendidikan, adab adalah landasan yang menghubungkan ilmu dengan hikmah dan kebenaran. Melalui ta'dib, pendidikan tidak hanya tertumpu kepada aspek duniawi, tetapi turut mengintegrasikan dimensi spiritual yang membina hubungan harmoni antara manusia, alam dan Tuhan. Adab memainkan peranan yang sangat penting dalam konsep ta'dib. Al-Attas menegaskan bahawa pendidikan harus bermula dengan pengenalan dan pengiktirafan kepada sesuatu perkara dengan kedudukannya yang betul. Ini termasuk hubungan manusia dengan Allah SWT, Rasulullah SAW, diri sendiri, masyarakat, dan alam sekitar. Tanpa adab, ilmu yang diperoleh mungkin disalahgunakan atau digunakan untuk tujuan yang tidak berfaedah. Oleh itu, ta'dib menekankan bahawa pendidikan bukan hanya proses pemindahan ilmu, tetapi juga pembentukan akhlak dan moral. Al-Attas percaya bahawa apabila seseorang memiliki adab, mereka akan memahami dan menghormati kedudukan setiap perkara sesuai dengan hikmah yang ditetapkan oleh Allah SWT. Dalam konteks ini, ta'dib bukan sahaja memperkasa individu, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni. Oleh itu, adab harus menjadi elemen utama dalam setiap proses pendidikan Islam (Almuddin, 2018; Daud, 2005).

Seterusnya, al-Attas meletakkan hubungan antara ta'dib dan tauhid menjadi tunjang kepada pendekatan ini. Tauhid atau keesaan Allah SWT menjadi asas utama dalam konsep ta'dib. Al-Attas menegaskan bahawa pendidikan yang benar mestilah berlandaskan tauhid, di mana semua ilmu dan amalan dipandu oleh hubungan manusia dengan Allah SWT. Pendidikan berteraskan tauhid memastikan bahawa ilmu tidak disalahgunakan dan sentiasa selaras dengan

kehendak syariat Islam. Dengan tauhid sebagai asas, individu yang melalui proses ta'dib akan memiliki pandangan hidup yang menyeluruh dan tidak terpisah antara aspek duniawi dan ukhrawi. Al-Attas percaya bahawa tauhid memberikan arah yang jelas kepada pendidikan, membebaskan manusia daripada kebingungan akibat sistem pendidikan secular (Mohamad & Sahad; Rahman & Huda, 2023). Pendidikan melalui ta'dib juga membantu individu mengenal tujuan hidup yang sebenar, iaitu sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi. Ini menjadikan tauhid sebagai elemen utama dalam membentuk sistem pendidikan Islam yang unggul. Ta'dib mendidik manusia untuk memahami konsep tauhid, iaitu pengesaan Allah, yang menjadi asas kepada segala aspek kehidupan. Tauhid memberi perspektif yang jelas tentang kedudukan manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dunia dan penghuni-penghuninya. Al-Attas menegaskan bahawa pendidikan berasaskan ta'dib mampu melahirkan individu yang seimbang dari segi intelektual, emosi dan spiritual. Individu ini bukan sahaja bertindak sebagai pemikir dan pencipta, tetapi juga sebagai penjaga amanah ilmu yang adil dan bertanggungjawab (Daud, 2005; Mariana & Putra, 2023).

Di samping itu, dalam era moden yang dipengaruhi oleh sekularisme, materialisme dan krisis moral, ta'dib menawarkan penyelesaian yang kukuh kepada isu-isu ini. Pendekatan ini berusaha mengintegrasikan ilmu agama dan ilmu duniawi, menjadikan kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk individu yang serba lengkap (Al-Attas, 1978). Menurut al-Attas, pendidikan yang tidak seimbang akan menghasilkan manusia yang kehilangan identiti dan gagal menjalankan tugas mereka sebagai khalifah Allah. Oleh itu, ta'dib bertujuan menyusun semula sistem pendidikan dengan menghubungkan nilai-nilai Islam kepada semua cabang ilmu (Daud, 2005). Pendekatan ini melahirkan individu yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang profesional, tetapi juga teguh dengan prinsip Islam yang membimbing mereka dalam membuat keputusan yang bijak dan beretika. Al-Attas juga telah membezakan ta'dib dengan pendidikan secular yang memisahkan antara ilmu agama dan ilmu duniawi. Pendidikan secular sering kali lebih menumpukan kepada pencapaian materialistik dan mengabaikan aspek moral serta spiritual (Minarti, 2022). Sebaliknya, ta'dib mengintegrasikan ilmu dan akhlak sebagai satu elemen yang tidak boleh dipisahkan. Pendidikan melalui ta'dib bertujuan untuk melahirkan individu yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga memiliki keperibadian yang mulia. Dalam sistem pendidikan secular, manusia sering kehilangan arah kerana tiada panduan nilai yang kukuh. Namun, ta'dib memastikan bahawa ilmu digunakan dengan cara yang benar dan berlandaskan syariat Islam. Dengan ta'dib, umat Islam dapat membina tamadun yang berasaskan ilmu dan adab. Pendekatan ini memberikan alternatif yang lebih baik kepada sistem pendidikan moden yang terlalu menumpukan kepada pencapaian duniawi (Muslih, 2022).

Secara keseluruhannya, ta'dib merupakan konsep yang menyeluruh, yang bukan sahaja memperbaiki sistem pendidikan Islam, tetapi juga memperkukuhkan identiti umat Islam dalam menghadapi cabaran dunia moden. Pemikiran al-Attas mengenai ta'dib memberi panduan yang jelas kepada umat Islam untuk membangunkan masyarakat yang berilmu, beradab dan beriman. Dengan menerapkan nilai-nilai ini, pendidikan Islam bukan sahaja mampu menangani isu-isu semasa, tetapi juga menjadi pemangkin kepada kebangkitan semula tamadun Islam yang unggul.

Sumbangan Dalam Pendidikan Islam

Al-Attas merupakan seorang pemikir Islam yang terkenal dan telah memberikan sumbangan yang besar dalam pelbagai bidang, termasuk falsafah, pendidikan, sejarah dan tamadun Islam.

Pemikiran dan karya beliau banyak memberi kesan kepada cara umat Islam memahami dan mendekati isu-isu kontemporari, khususnya dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan. Dengan visi yang mendalam tentang keperluan umat Islam untuk kembali kepada nilai-nilai Islam yang autentik, beliau memperkenalkan gagasan dan pendekatan yang berani, seperti konsep ta'dib dalam pendidikan, Islamisasi ilmu dan pengukuhan tradisi keilmuan Islam. Sumbangan beliau tidak hanya terhad kepada idea, tetapi juga terwujud dalam bentuk institusi, karya penulisan dan metodologi yang memberikan panduan praktikal kepada masyarakat Islam dalam menghadapi cabaran dunia moden. Melalui usaha-usaha ini, al-Attas berjaya memperkukuhkan kedudukan ilmu dan pendidikan Islam sebagai asas kepada pembangunan intelektual dan rohani umat Islam. Berikut merupakan sumbangan al-Attas terutama dalam pendidikan Islam iaitu gagasan islamisasi ilmu, kritikan terhadap dualisme pendidikan, peranan bahasa dan tradisi dalam pendidikan Islam dan pengaruh terhadap pemikiran Islam kontemporari.

Gagasan Islamisasi ilmu

Salah satu sumbangan beliau ialah gagasan islamisasi ilmu yang diketengahkan oleh al-Attas merupakan usaha intelektual untuk memurnikan ilmu moden daripada unsur-unsur sekular, materialistik dan falsafah yang bercanggah dengan nilai Islam. Al-Attas menegaskan bahawa walaupun ilmu moden telah membawa kemajuan besar kepada manusia, ia turut dicemari oleh falsafah Barat yang memisahkan Tuhan daripada kehidupan manusia. Beliau percaya bahawa falsafah ini telah menimbulkan pelbagai krisis moral, sosial, dan spiritual dalam kalangan umat manusia. Oleh itu, gagasan Islamisasi ilmu bertujuan mengembalikan ilmu kepada kedudukan yang sebenar, iaitu berasaskan pandangan dunia Islam yang menyatukan hubungan antara akal, wahyu dan realiti rohani (Al-Attas, 1978; Muttaqien, 2019).

Proses Islamisasi ilmu melibatkan tiga langkah utama. Langkah pertama adalah mengenal pasti dan menghapuskan elemen-elemen negatif dalam ilmu moden yang bercanggah dengan nilai Islam, seperti fahaman sekularisme dan dualisme. Langkah kedua adalah menyelaraskan ilmu moden dengan pandangan dunia Islam yang menekankan keseimbangan antara aspek jasmani dan rohani. Akhir sekali, nilai-nilai Islam seperti keadilan, amanah dan kesejahteraan perlu diterapkan dalam metodologi dan aplikasi ilmu agar ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar (Daud, 2005; Sutrisno, 2021). Sebagai contoh, dalam bidang sains sosial, falsafah sekular yang mengetepikan dimensi spiritual boleh digantikan dengan pendekatan Islam yang mengintegrasikan akal dan wahyu. Dalam konteks ekonomi, nilai-nilai Islam seperti keadilan sosial, tanggungjawab moral, dan amanah boleh dijadikan asas kepada teori dan amalan ekonomi, memastikan ia mencapai matlamat kesejahteraan masyarakat secara holistik (Al-Attas, 1980). Melalui pendekatan ini, gagasan Islamisasi ilmu bukan sahaja bertindak sebagai pembetulan kepada krisis ilmu moden tetapi juga menyediakan panduan untuk membangunkan sistem ilmu yang lebih beretika, menyeluruh, dan relevan dengan keperluan umat Islam.

Kritikan terhadap Dualisme Pendidikan

Selain itu, sumbangan al-Attas dalam isu Dualisme dalam pendidikan Islam yang merupakan isu yang wujud sejak zaman penjajahan Barat. Penjajahan membawa pengaruh yang memisahkan ilmu agama daripada ilmu duniawi, menjadikan pendidikan agama terasing daripada bidang-bidang lain seperti sains, teknologi dan kemanusiaan. Pemisahan ini mengakibatkan perpecahan dalam sistem pendidikan umat Islam, di mana cabang-cabang ilmu yang seharusnya saling melengkapi menjadi terpisah dan tidak seimbang (Al-Attas, 1980).

Kesan daripada dualisme ini amat mendalam. Ia mencetuskan kekeliruan identiti dalam kalangan umat Islam, menyebabkan ramai individu yang terdidik dalam sistem ini kehilangan hubungan rohani dalam kehidupan mereka. Mereka gagal memahami peranan mereka sebagai khalifah Allah di muka bumi. Selain itu, sistem ini melahirkan golongan intelektual yang hanya mahir dalam bidang tertentu tetapi kurang memahami tanggungjawab moral dan agama mereka, menjadikan ilmu mereka terpisah daripada nilai Islam (Daud, 2005).

Al-Attas menyedari masalah ini dan mengemukakan cadangan untuk mengatasinya. Beliau menegaskan bahawa pendidikan Islam harus mengintegrasikan kedua-dua cabang ilmu dalam kerangka tauhid. Integrasi ini bertujuan menghasilkan individu yang seimbang dari segi intelektual dan rohani, yang tidak hanya cemerlang dalam bidang ilmu duniawi tetapi juga memiliki asas moral dan rohani yang kukuh. Al-Attas mencadangkan kurikulum pendidikan yang menyatukan pengajian agama dan sains dalam satu sistem bersepadu yang berasaskan etika Islam. Pendekatan ini mencerminkan usaha beliau untuk menghidupkan kembali pendidikan Islam sebagai asas pembinaan masyarakat moden (Al-Attas, 1978).

Peranan Bahasa dan Tradisi dalam Pendidikan Islam

Sumbangan lain al-Attas ialah menekankan peranan penting bahasa dalam pendidikan Islam, khususnya bahasa Arab, yang merupakan bahasa utama tradisi keilmuan Islam. Bahasa Arab bukan sahaja menjadi bahasa al-Quran tetapi juga kunci kepada pemahaman yang mendalam terhadap sumber-sumber utama Islam. Penguasaan bahasa Arab membolehkan umat Islam mendalami ajaran agama mereka dengan lebih jelas dan tepat serta mengakses pelbagai teks klasik yang mencakupi pelbagai cabang ilmu. Selain bahasa Arab, al-Attas juga mengiktiraf peranan penting bahasa Melayu dalam penyebaran ilmu Islam di Nusantara. Bahasa Melayu mempunyai sejarah yang kaya sebagai bahasa ilmu, terutamanya melalui karya-karya ulama Melayu yang memberi sumbangan besar dalam bidang keagamaan dan keilmuan. Al-Attas berpendapat bahawa bahasa Melayu harus terus dimartabatkan sebagai medium utama dalam penyebaran ilmu di rantau ini (Daud, 2005; Sariyan, 2009).

Beliau juga menegaskan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi mencerminkan pandangan dunia dan cara ilmu itu disampaikan serta difahami. Pemurnian bahasa dalam pendidikan Islam adalah penting untuk memastikan bahawa ilmu yang diajarkan selaras dengan etika Islam. Pemahaman ini menjadikan bahasa sebagai asas pembentukan cara berfikir dan bertindak yang betul, sekaligus menyokong tujuan pendidikan Islam yang lebih menyeluruh (Sariyan, 2009).

Pengaruh terhadap Pemikiran Islam Kontemporari

Akhir sekali, Al-Attas telah memberikan sumbangan besar dalam memperkaya pemikiran Islam kontemporari, khususnya melalui gagasan Islamisasi ilmu. Beliau menegaskan bahawa umat Islam perlu menangani krisis ilmu yang berpunca daripada pengaruh sekularisme dan materialisme yang mencemari ilmu moden (Al-Attas, 1978). Dengan memperkenalkan konsep Islamisasi ilmu, beliau menyarankan agar ilmu dipulihkan dengan membuang unsur-unsur negatif yang bertentangan dengan pandangan dunia Islam. Konsep ini bukan sahaja relevan kepada umat Islam tetapi turut membuka ruang dialog antara tamadun tentang nilai, etika dan ilmu. Pendekatan ini menjadikan Islamisasi ilmu sebagai satu projek intelektual dan rohani yang bertujuan untuk memperbaiki hubungan manusia dengan ilmu dan kehidupan secara menyeluruh (Daud, 2005).

Selain itu, al-Attas memperkenalkan istilah penting seperti ta'dib (pembentukan adab), *sa'adah* (kebahagiaan) dan hikmah (kebijaksanaan) ke dalam wacana akademik Islam. Istilah-istilah ini bukan sahaja memperkaya perbendaharaan kata Islam, tetapi juga menjadi panduan dalam memahami konsep pendidikan dan pembangunan insan yang holistik. Dalam konteks pendidikan, konsep ta'dib menjadi asas kepada pendekatan beliau yang mengutamakan pembentukan akhlak dan rohani, berbanding hanya pemindahan ilmu. Pandangan ini memperkuat falsafah pendidikan Islam sebagai sistem yang menyeluruh dan mampu melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek dan rohani. Hal ini menjadikan karya beliau relevan dalam membina kurikulum pendidikan Islam yang holistik (Al-Attas, 1980; Hidayatullah & Arif, 2022).

Karya-karya al-Attas seperti *Islam and Secularism* dan *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa seperti Arab, Turki dan Urdu. Ini menunjukkan bahawa pemikiran beliau mendapat perhatian yang meluas di dunia Islam. Karya-karya ini membincangkan secara mendalam tentang pengaruh sekularisme dan kepentingan memurnikan ilmu agar selaras dengan nilai-nilai Islam. Di Timur Tengah, Asia Selatan dan Afrika, karya beliau digunakan sebagai rujukan utama oleh para sarjana dalam memahami dan mengatasi cabaran ilmu moden. Pemikiran beliau juga membantu memperkasa institusi pendidikan Islam di seluruh dunia dengan menjadikan nilai Islam sebagai teras dalam sistem pendidikan tinggi (Al-Attas, 1980; Daud, 2005).

Secara keseluruhannya, pengaruh al-Attas terhadap pemikiran Islam kontemporari bukan sahaja terletak pada teori dan konsep yang beliau perkenalkan, tetapi juga pada usaha praktikal yang beliau lakukan dalam mengasaskan institusi, menyusun kurikulum, serta menghasilkan karya-karya yang terus relevan hingga ke hari ini. Melalui pemikiran beliau, al-Attas telah memberi sumbangan besar dalam merangka semula sistem pendidikan Islam yang lebih holistik dan seimbang, yang menggabungkan unsur spiritual dan intelektual dengan pendekatan yang berlandaskan wahyu. Beliau tidak hanya berfokus pada teori, tetapi juga melibatkan diri secara aktif dalam mengimplementasikan ide-idenya melalui penubuhan dan pengurusan institusi pendidikan, seperti Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), yang menjadi pusat rujukan bagi sarjana-sarjana Islam seluruh dunia. Di samping itu, beliau juga telah merumuskan kurikulum yang berfokus pada penyatuan ilmu duniawi dan ukhrawi, serta menekankan pentingnya memurnikan ilmu dari unsur-unsur sekular dan materialistik yang semakin dominan dalam pendidikan moden. Karya-karya beliau, yang meliputi pelbagai bidang seperti falsafah, pendidikan dan sejarah Islam, menjadi sumber rujukan utama dalam memahami Islam secara mendalam dan memberi impak besar kepada pengembangan pemikiran Islam yang lebih inklusif dan berteraskan prinsip-prinsip syariat Islam.

Kesimpulan

Tuntasnya, Pemikiran dan sumbangan al-Attas dalam bidang pendidikan Islam menunjukkan keprihatinannya terhadap cabaran umat Islam dalam era moden. Melalui konsep ta'dib, gagasan Islamisasi ilmu, dan kritiknya terhadap dualisme pendidikan, beliau menegaskan pentingnya pendidikan Islam yang holistik, yang mengintegrasikan nilai adab, tauhid dan tradisi keilmuan Islam. Pendekatan beliau juga menekankan peranan bahasa dan tradisi sebagai asas dalam membina sistem pendidikan yang berlandaskan prinsip Islam. Usaha-usaha ini bertujuan membentuk individu yang seimbang dari segi intelektual, rohani dan moral, serta mampu menghadapi cabaran dunia moden tanpa kehilangan identiti Islam. Pemikiran al-Attas juga memberikan asas yang kukuh kepada pembentukan sistem pendidikan Islam yang mampu

melahirkan generasi yang beradab, berilmu dan berakhlak mulia. Generasi ini bukan sahaja mampu menghadapi cabaran dunia moden dengan penuh keyakinan tetapi juga dapat mempertahankan identiti Islam mereka. Pendekatan beliau yang menyeluruh dan mendalam terus relevan sebagai panduan untuk membangunkan pendidikan Islam yang lebih berkualiti dan sesuai dengan keperluan zaman.

Rujukan

- Agus Hendratno, B. d. D. N. (2023). *Pemikiran Pendidikan Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Jurnal Studi Islam MULTIDISCIPLIN, Volume 1.*
- Al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and Secularism.* Ta'adib International.
- Al-Attas, S. M. N. (1980). *The Concept Of Education In Islam.* Ta'dib International.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The Meaning and Experience of Happiness in Islam.* Kazi Publications, Incorporated.
- Almuddin, M. H. (2018). *Disiplin dan Hukuman Dalam Pendidikan Kanak-kanak Menurut Ibn Hajar Al-haytami (M. 974 H): Analisis Kitab Tahrir Al-maqal Fi Adab Wa Ahkam Wa Fawa'id Yahtaju Ilayha Mu'addibu Al-atfal* University of Malaya (Malaysia)].
- Daud, W. M. N. W. (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M, Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi.* Penerbit Universiti Malaya.
- Hidayatullah, E. A., & Arif, S. (2022). Syed Muhammad Naquib Al-Attas' exposition on the concept of ethics. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 24(1)*, 409-446.
- Mariana, I., & Putra, P. (2023). Konsep Ta'dib Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan Relevansinya dengan Pendidikan Karakter. *PIJAR: Jurnal Pendidikan dan Pengajaran, 1(2)*, 173-186.
- Minarti, S. (2022). *Ilmu Pendidikan Islam: Fakta teoretis-filosofis dan aplikatif-normatif.* Amzah.
- Mohamad, A. S., & Sahad, M. N. *Kepimpinan Guru Berteraskan Ta'dib: Perspektif Baharu Kepimpinan Guru Abad ke-21.* Penerbit USM.
- Muslih, M. (2022). Integrasi Ilmu dan Agama menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ian G Barbour. *Jurnal Penelitian Medan Agama, 13(01)*, 20-25.
- Muttaqien, G. A. (2019). Pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas Tentang Islamisasi Ilmu. *Jaqfi: Jurnal Aqidah Dan Filsafat Islam, 4(2)*, 93-130.
- Rahman, F. B., & Huda, M. (2023). Pengukuhan Nilai & Akhlak Pelajar Menerusi Penerapan Ilmu Falsafah Ke Dalam Pendidikan Islam. *UInScof, 1(1)*, 614-627.
- Sariyan, A. (2009). Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan masyarakat hadhari. *Jurnal Hadhari, 1*, 1-29.
- Sodiq, A. (2019). *Model pendidikan tauhid (studi komparasi pemikiran al-Ghazali dan Syed M. Naquib al-Attas)* Jakarta: Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Syarif Hidayatullah].
- Sukandi, E., & Inayah, S. N. A. (2024). Naquib al-Attas Educational Thought in Contemporary Islamic Education. *al-Afkar, Journal For Islamic Studies, 7(4)*, 831-842.
- Sutrisno, A. (2021). Islamisasi Ilmu Pengetahuan Perspektif M. Naquib Al-Attas. *Jurnal Ilmiah Ar-Risalah: Media Ke-Islaman, Pendidikan dan Hukum Islam, 19(1)*, 001-010.
- Zain, F. (2019). Nusantara Selepas Merdeka: Cabaran Agamawan Dalam Membela Dan Membangun Tanah Air. *Malaysia: Fakulti Pengajian Islam UKM.*